

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	12 FEBRUARY 2017

Tun M anggap penerima BR1M, nelayan pengemis

um-12/2/2017

ALOR SETAR 11 Feb. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berterusan memburuk-burukkan inisiatif kerajaan membantu golongan kurang berkemampuan termasuk Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan Program Khas Haji Perdana Menteri-Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Bukan sekadar mendakwa bantuan tersebut sebagai rasuah, Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu ketika ber-

ceramah di Kuala Kedah, dekat sini semalam turut menyifatkan penerima-penerima bantuan berkenaan umpama pengemis.

Malah Dr. Mahathir juga mempertikaikan bantuan sara hidup untuk nelayan di negara ini yang didakwa cuba dimanipulasi untuk meraih undi walaupun ia dilaksanakan bukan sekadar pada musim pilihan raya umum (PRU).

“Kalau kita bagi duit BR1M hanya kerana nak dapat sokongan

itu adalah rasuah, rasuah salah dan ditolak oleh agama Islam.

“Tambah bila bagi duit suruh orang pergi haji bukan niat baik tetapi buat kerja haji undilah kami bila niat tak kena tak jadi haji jauh sekali jadi haji mabrur.

“Kita dijadikan pengemis. Saya dengar nelayan dapat gaji? Orang Kuala Kedah, betul ka? Bot tak dapat dah, enjin pun tidak... dapatlah RM200, RM300,” dakwanya yang kembali berkongsi pentas bersama pemimpin DAP

dan PKR pada program berkenaan.

Berceramah lanjut di pentas sama Dr. Mahathir turut membayangkan tidak mungkin wujud kerjasama pakatan pembangkang dengan Pas menjelang PRU nanti.

“Undilah komponen parti pembangkang sama ada Bersatu (PPBM), DAP, Keadilan (PKR) dan Amanah (PAN). Undilah mereka kerana dalam PRU kita akan letakkan calon sebagai parti campuran pembangkang,” katanya.